

D210

B B254 DEB
PM - ALUAN

JOHOR BAHRU, 8 JULAI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD YAKIN BAHAWA MASA DEPAN NEGARA DAN BANGSA AKAN TERJAMIN SELAGI RAKYAT MENYOKONG PENUH BARISAN NASIONAL (BN).

BELIAU BERKATA DALAM TEMPOH PEMERINTAHANNYA BN DAPAT MEMUJUDKAN KESTABILAN NEGARA BAIK DARIPADA SEGI POLITIK MAHUPUN EKONOMI DEMI KEPENTINGAN RAKYAT DAN NEGARA.

+OLEH KERANA MEMANDANGKAN RAKYAT NEGARA INI TERDIRI DARIPADA PELBAGAI KAUM DAN AGAMA, HANYA BN SAHAJA YANG MAMPU MENYELESAIKAN MASALAH DEMI KEPENTINGAN SEMUA KAUM, + KATA BELIAU.

BELIAU YANG JUGA PRESIDEN UMNO DAN Pengerusi BN BERKATA DEMIKIAN DALAM KATA-KATA ALUANNYA PADA BUKU CENDERAMATA SEMPENA MEMPERINGATI ULANG TAHUN KE-14 PENUBUHAN BN ANJURAN UMNO BAHAGIAN PULAI JUMAAT INI.

KATANYA BN DITUBUHKAN DENGAN MATLAMAT MENYATUPADUKAN RAKYAT PELBAGAI KAUM NEGARA INI. -- LAGI/JM
1738MST 08 07 86

D211

B B255 DEB
PM - ALUAN 2 JOHOR BAHRU

PERDANA MENTERI BERKATA BN DITUBUHKAN UNTUK MENGURANGI PERTENTANGAN POLITIK YANG JIKA BERLAKU BOLEH MENGHALANGI PENCAPAIAN MATLAMAT INTEGRASI NASIONAL.

MENURUT DATUK SERI DR MAHATHIR PERPADUAN DI KALANGAN RAKYAT YANG DAPAI MELALUI PENUBUHAN BN MEMBAWA NEGARA DAN RAKYAT PADA TAHAP KEMAJUAN YANG TINGGI.

KATA BELIAU, KEJAYAAN INI MENGATASI KEJAYAAN NEGARA-NEGARA LAIN BAIK YANG TELAH LAMA MERDEKA MAHUPUN YANG MENCAPAI KEMERDEKAAN SAMA DENGAN TARIKH KEMERDEKAAN NEGARA.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN PERAYAAN INI MEMPUNYAI ERTI YANG BESAR DEMI MENYEDARKAN ANGGOTA-ANGGOTA PARTI PADA SEMUA PERINGKAT SERTA RAKYAT MENGENAI TUJUAN PENUBUHAN BN 14 TAHUN LEPAS. --
BERNAMA/JM .
1740MST 08 07 86